

19 AUG 1996  
Muhyiddin-Rombakan  
ROMBAKAN PERLU PENYESUAIAN

SEREMBAN, 19 Ogos (Bernama) -- Kejayaan penyusunan semula struktur Kementerian Belia dan Sukan dengan memisahkan Jabatan Belia dan Sukan akan bergantung kepada secepat mana pihak yang terbabit dapat menyesuaikan diri dengan perubahan itu.

Menteri berkenaan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kementerian berharap dapat melangkah ke arah lebih jauh terutama dalam perkembangan sukan dan belia selepas rombakan itu walaupun ia dijangka tidak akan dilakukan secara drastik.

"Segala aspek perlu diambil kira dalam rombakan itu dan ini termasuk soal kewangan serta guna tenaga bagi memastikan ia tidak bersifat jangka pendek", katanya kepada pemberita selepas menutup kejohanan olahraga veteran terbuka Malaysia kali ke-10 di Kompleks Sukan Negeri di sini hari ini.

Beliau berkata, kementerian akan berbincang dengan semua pihak termasuk kesatuan kakitangan selepas mengkaji laporan awal yang dihantar oleh Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu).

"Selepas itu baru kita akan mengambil tindakan selanjutnya kerana laporan itu berpendapat satu perubahan yang besar perlu dilakukan terutama pemisahan Jabatan Belia dan Sukan di semua peringkat".

Muhyiddin berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dimaklumkan mengenai cadangan rombakan itu juga pada dasarnya telah memberikan persetujuan beliau.

Menurut beliau, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai potensi besar dan penting dalam pembangunan negara terutama yang membabitkan belia kerana ia merupakan golongan terbesar.

Struktur yang ada sekarang sudah tidak sesuai dan dapat menampung keperluan serta kehendak yang sejajar dengan perkembangan pesat dunia masa kini, katanya.

-- BERNAMA  
RAB NMO